

EK

ECONEWS

TIADA SIAPR DISINGKIR DI BANK NEGARA, KATA PM

SHAH ALAM, 20 April (Bernama)-- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan hari ini beliau tidak perlu mengambil tindakan untuk meyingkir sesiapa pun di dalam pengurusan Bank Negara Malaysia berikutan kerugian sebanyak RM9.3 ribu juta dialami bank itu dalam urusan pasaran matawang asing.

+Saya tidak nampak kerana ini saya perlu mengambil tindakan buang orang ini, buang orang itu, kerana itu bukan caranya,+ katanya sambil merujuk bahawa apabila Bank Negara memperoleh keuntungan dari pasaran tersebut pada masa dahulu, ia tidak membuat sebarang pengumuman.

Menjawab soalan para pemberita selepas merasmikan bangunan penyelidikan dan pembangunan kilang Proton di sini, Dr Mahathir berpendapat perkara kerugian matawang asing itu telah diperbesar-besarkan oleh sesetengah pihak yang sering mengkritik peranan Bank Negara dalam pasaran matawang asing.

Perdana Menteri berkata para pengkritik itu telah membuat ulasan apabila Bank Negara membuat keuntungan dari pasaran tersebut dan juga apabila paras nilai ringgit naik, dan kini pula membuat kritikan tentang +kerugiannya+.

Pendek kata, menurut Dr Mahathir, orang yang mengkritik kerugian matawang asing itu membuat andaian bahawa orang Malaysia tidak mengetahui dalam menguruskan ekonomi mereka.

Katanya, walaupun bukanlah semua bank pusat melibatkan diri dalam pasaran tukaran matawang asing, beliau percaya Bank Negara Malaysia mempunyai kebolehan dalam perkara ini.

Ini boleh dilihat dari segi keadaan ekonomi negara yang kukuh dan Bank Negara kini mempunyai simpanan yang tinggi, iaitu RM46 ribu juta, satu angka yang akan membolehkan negara mengimport sebanyak tujuh bulan berbanding dengan empat bulan pada suatu ketika dahulu, tambahnya.

Dr Mahathir berkata, seperti yang dijelaskan oleh Gabenor Bank Negara Tan Sri Jaffar Hussein semalam, masalah mengenai kerugian itu berlaku kerana nilai ringgit adalah terlalu kuat tahun lalu.

+Kalau kita simpan rizab matawang asing dalam matawang asing, dan matawang itu merosot nilainya, nilai ringgit memang kehilangan tetapi itu hanya atas kertas,+ tambahnya.

Perdana Menteri memberi contoh, jika dahulunya satu pound sterling bernilai lima ringgit, kalau 1,000 pound British disimpan sebagai simpanan, jumlah simpanan itu akan bernilai RM5,000.

+Tetapi jika harga pound jatuh kepada empat ringgit bagi satu pound dan kalau kita masih berpegang simpanan pound itu, 1,000 pound sudah turun kepada RM4,000 dan ini bermakna kita kehilangan RM1,000,+ katanya.

Dr Mahathir berkata, ada pihak yang berkata negara tidak patut menggunakan duit untuk mempertahankan nilai ringgit.

+Tetapi pihak yang sama juga berkata bahawa kenapa nilai ringgit meningkat dan rizab kita hilang,+ tambahnya.

Katanya, adalah mudah sekali jika simpanan dalam ringgit mahu ditingkatkan, yang boleh dilakukan dengan penurunan nilai ringgit atau "devaluation".

Sebagai contoh, katanya, jika nilai matawang tukaran pound diturunkan kepada lapan ringgit setiap satu pound, ini bermakna simpanan 1,000 pound itu akan meningkat kepada RM8,000. -- Bernama